

23/10/2003

Catat keputusan cemerlang sebagai tanda harga jasa PM

TENTU ramai yang tertarik dengan ilustrasi yang terpampang di muka depan akhbar ini. Ia menceritakan dua peristiwa penting yang bakal berlaku akhir

bulan ini dan awal bulan depan, yang mempunyai kaitan langsung dengan pelajar dan dunia pendidikan keseluruhannya.

Peristiwa pertama ialah persaraan Perdana Menteri kesayangan rakyat Malaysia, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, penghujung Oktober ini, manakala

satu lagi peristiwa penting ialah ketibaan hari peperiksaan SPM yang akan bermula 3 November ini.

Perdana Menteri yang menerajui negara selama 22 tahun telah meletakkan Malaysia sebagai negara yang disegani, termasuk di kalangan negara maju. Persaraan beliau, sudah tentu bakal menjadi detik bersejarah kerana sumbangannya yang amat besar dalam segala bidang.

Secara kebetulan selang beberapa hari selepas persaraan Dr Mahathir, kira-kira 400,000 calon akan menduduki peperiksaan SPM. Sudah tentu dua tarikh itu akan kekal dalam ingatan mereka.

Di samping berjaya mengukir nama negara di arena antarabangsa, Dr Mahathir juga amat prihatin dengan dunia pendidikan. Selain meluluskan peruntukan besar dalam bajet negara setiap tahun, Dr Mahathir juga sering

menyuntik idea baru untuk memajukan bidang pendidikan. Arahan, pandangan,

teguran serta nasihat beliau juga sering menjadi penyelamat dalam menangani pelbagai isu pendidikan, yang sesetengahnya hampir menggugat perpaduan kaum di negara ini.

Atas sumbangan besar Dr Mahathir itu, tiada penghargaan paling bernilai

yang boleh diberikan pelajar kepada Perdana Menteri kesayangan kita, selain memberikan keputusan cemerlang dalam peperiksaan SPM tahun ini.